

**PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2013
(OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH WEEK 2013)**

TARIKH: 7hb Julai 2013 (Ahad)

MASA: 7.00 pagi - 1.00 petang

TEMPAT: Tebingan Waterfront Kuching, Sarawak

LATARBELAKANG SAMBUTAN:

Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu kedua bulan Julai setiap tahun. Ia diadakan susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006.

Pada tahun ini, sambutan akan diadakan pada 7-13 Julai 2013. Antara program yang dijalankan ialah Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat kebangsaan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MNKKP). Sambutan ini merupakan satu usaha kerajaan untuk menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan kepada majikan dan pekerja dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

Kempen ini juga diharap akan dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mengenai kepentingan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

OBJEKTIF:

1. Mempromosi dan menjadikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebagai satu agenda penting negara dalam melahirkan negara 1Malaysia yang mempunyai tenaga kerja yang berpengetahuan dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
2. Menyampaikan maklumat terkini berkaitan isu-isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disamping mewujudkan perkongsian maklumat pintar diantara kerajaan, majikan dan pekerja.

3. Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang melibatkan pekerja.

FAEDAH PROGRAM:

1. Meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran pihak majikan dan pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya berkaitan sistem pengurusan risiko di tempat kerja.
2. Mengetahui maklumat terkini berkenaan dengan perundangan dan peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan di dalam mengurangkan kadar kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.
3. Hubungan antara pihak kerajaan, majikan dan pekerja dapat dipertingkatkan terutamanya berkaitan perkara-perkara keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan tanggungjawab majikan dan pekerja dalam KKP di tempat kerja.

TEMA OSH WEEK 2013:

“Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Pemangkin Transformasi Negara”

SINOPSIS TEMA:

Tema yang dipilih ini selari dengan tema Kementerian Sumber Manusia yang seiring dengan hasrat kerajaan ke arah transformasi untuk mencapai negara maju dimana keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dipastikan melalui pencegahan kemalangan di tempat kerja. Ini dapat dicapai melalui kekuatan trapatite daripada kerajaan, majikan dan pekerja. Persekitaran yang selamat dan sihat akan mewujudkan rakyat Malaysia yang bekerja di dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera. Dengan itu ekonomi negara akan dijana dengan lebih pantas seiring dengan hasrat kerajaan bagi mencapai rakyat yang berpendapatan tinggi.

ACARA MENARIK:

Pertandingan “Hunt For OSH”

Cabutan Bertuah

Kempen Bot Berhias KKP

Pertunjukkan “OSH Catwalk Show” - “Beauty of OSH”

Demonstrasi “OSH Defensive Driving” dan “OSH Safe Riding”

Pertandingan “OSH Banner 2013”

Pemeriksaan Kesihatan PERCUMA dan Program Menderma Darah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Aktiviti OSH di Booth Pameran & Jualan - Pertandingan Scorecard

Demonstrasi Kecemasan didalam Confine Space - “The Silent Killer”

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan program ini, boleh berhubung dengan pegawai berikut:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak

- a. Encik Mohd. Hafizi Bin Mohd. Yusof
Tel: 019-936 6054 Emel: mdhafizi@mohr.gov.my

- b. Encik Ismail Bin Ahmad
Tel: 012-870 2607 Emel: ismailahmad@mohr.gov.my

- c. Encik Roszaidi Bin Baung
Tel: 016-837 3591 Emel: roszaiddi@mohr.gov.my

- d. Encik Mohd. Fahmi Bin Abd. Talib
Tel: 019-665 3454 Emel: mohdfahmi@mohr.gov.my

Sila lengkapkan borang penyertaan anda (secara atas talian) atau sila berhubung dengan pegawai di atas untuk pendaftaran.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30hb Jun 2013**.